

# BAHAGIAN 3

## SPESIFIKASI TEKNIKAL

---

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
NEGERI PULAU PINANG*

### BAHAGIAN 3

#### SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAKA KAMBING DAN LEMBU UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA PENTERNAK SELIAAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2022

#### 1. PENDAHULUAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah merangka dan mewujudkan bantuan berupa baka ternakan kepada penternak negeri yang komited dalam bidang penternakan dan memenuhi syarat-syarat permohonan bantuan negeri. Permohonan bantuan baka ternakan ini dibuka pada setiap tahun bermula daripada 1 Oktober hingga 30 November.

#### 2. TUJUAN

Bantuan baka ternakan ini adalah sebagai satu langkah Jabatan untuk meningkatkan kualiti genetik ternakan sedia ada di ladang penternak dan meningkatkan produktiviti ternakan serta pendapatan penternak seiring dengan matlamat Jabatan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging dan susu di negeri Pulau Pinang.

#### 3. SPESIFIKASI

Spesifikasi yang perlu dibekalkan adalah seperti berikut : -

Bil	Perkara	SPESIFIKASI MINIMUM	Kuantiti
1	Kambing betina baka Saanen	<ul style="list-style-type: none"><li>- Umur: 18 – 24 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.</li><li>- Berat: 28 – 40 kg.</li><li>- Tidak cacat anggota dan penglihatan.</li><li>- Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan.</li><li>- Mempunyai “<i>body score condition</i>” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk.</li><li>- Mempunyai ambing susu yang sama dan seimbang kedudukannya.</li></ul>	7 ekor

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai puting susu yang baik dan tidak cacat; 2 puting susu.</li> <li>- Mempunyai anatomi organ pembiakan (vulva) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda peradangan, pembengkakan dan ketumbuhan.</li> <li>- Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri "<i>phenotypic appearance</i>" yang baik.</li> </ul>	
2	Lembu betina baka Brahman kacukan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Umur: 24 – 36 bulan / sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.</li> <li>- Berat: 170 – 240 kg.</li> <li>- Tidak cacat anggota dan penglihatan.</li> <li>- Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan.</li> <li>- Mempunyai "<i>body score condition</i>" yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk.</li> <li>- Mempunyai ambing susu yang sama dan seimbang kedudukannya.</li> <li>- Mempunyai puting susu yang baik dan tidak cacat; 4 puting susu.</li> <li>- Mempunyai anatomi organ pembiakan (vulva) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda peradangan,</li> </ul>	8 ekor

		pembengkakan dan ketumbuhan. - Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri " <i>phenotypic appearance</i> " yang baik.	
3	Punca bekalan	Tempatan	N/A

## Contoh Gambar Bekalan



Baka Saanen



Baka Kacukan Brahman